Keratan Akhbar bertarikh 13 Mei 2016

Sinar Harian, Malaysia

# Bas Smart Selangor beroperasi di Sepang Mei ini

**SEPANG –** Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) bakal menerima perkhidmatan bas percuma Smart Selangor yang dijangka dilancarkan minggu ketiga, bulan ini.

Yang Dipertua MPSepang, Datuk Puasa Md Taib berkata, Unit Perancangan Negeri (Upen) meluluskan peruntukan sebanyak RM600,000 kepada MPSepang untuk melaksanakan program tersebut.

Menurutnya, mesyuarat pada Januari lalu bersetuju menyediakan dua bas di laluan ditetapkan sebagai percubaan melihat sambutan penduduk terutama di Sepang.

"Kemudahan bas ini akan melalui perjalanan sejauh 58.4 kilometer melalui Tanjung Sepat, Sungai Pelek, KLIA hingga ke ERL Salak Tinggi.

"Tempoh perjalanan bagi setiap perjalanan sehala mengambil masa sejam 50 minit ketika waktu puncak," katanya.

Puasa berkata, kemudahan percuma diwujudkan bagi mengurangkan sara hidup rakyat Selangor, selain menggalakkan pengurangan 'carbon foot print.'

"Sekiranya sambutan menggalakkan dan perlukan tambahan, barulah kita akan maklumkan kepada kerajaan negeri," katanya.

**"Kemudahan bas ini akan melalui perjalanan sejauh 58.4 kilometer melalui Tanjung Sepat, Sungai Pelek, KLIA hingga ke ERL Salak Tinggi."** - Puasa



Perkhidmatan bas percuma Smart Selangor bakal dilancar di Sepang, minggu ketiga Mei ini.